KEMENTERIAN PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

LEBIH 2,000 PENGUNJUNG MANFAATKAN PELBAGAI PERKHIDMATAN MENERUSI PROGRAM JIWA RAHMAH SANTUNI MADANI KPKT

PUCHONG, 24 Oktober 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terus memperteguh komitmen menyantuni denyut nadi rakyat menerusi penganjuran **Program Jiwa Rahmah Santuni MADANI** yang membawa perkhidmatan Kerajaan secara terus kepada komuniti. Program yang berlangsung meriah di Dewan Komuniti Taman Putra Perdana hari ini telah disempurnakan perasmiannya oleh Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Sabu dengan mencatatkan kehadiran luar biasa mencecah lebih **2,000 orang pengunjung**.

Menerusi sinergi strategik bersama Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), KPKT menjayakan program ini bagi menterjemahkan aspirasi Santuni MADANI yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri. Inisiatif holistik ini direka khusus sebagai pusat hentian setempat (***one-stop centre***) bagi memudahkan penduduk tempatan mendapatkan maklumat, menerima khidmat nasihat serta menyelesaikan pelbagai urusan rasmi di satu lokasi.

KPKT bersama agensi di bawahnya turut turun padang bagi menyediakan pelbagai perkhidmatan terus kepada komuniti :

i. Jabatan Perumahan Negara (JPN), Perbadanan PR1MA Malaysia serta Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) - Perumahan mampu milik;
ii. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) - Keselamatan kebakaran;
iii. Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) serta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) - Pengurusan sisa dan kebersihan; dan
iv. Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT), Jabatan Landskap Negara (JLN), PLANMalaysia, Urbanice Malaysia - Perkhidmatan perbandaran dan kelestarian persekitaran.

Bagi menjayakan agenda Kerajaan MADANI dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang menyeluruh serta berdaya huni, program ini digerakkan menerusi kerjasama bersepadu pelbagai agensi kerajaan dan badan berkanun. **Sepanjang program berlangsung, pelbagai perkhidmatan terus ditawarkan merangkumi :**

i. Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) & Polis Diraja Malaysia (PDRM) - Pembaharuan lesen memandu dan semakan saman;
ii. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) - Urusan kad pengenalan dan pendaftaran;
iii. Pejabat Daerah dan Tanah, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) & Jabatan Insolvensi Malaysia - Urusan cukai tanah, cukai pintu/taksiran dan khidmat nasihat insolvensi;
iv. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor (JKNS) - Saringan kesihatan dan pergigian secara percuma; dan
v. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) - Khidmat nasihat pendidikan, kerjaya dan pencegahan.

Bagi memeriahkan program dan menyokong daya tahan sosioekonomi komuniti, beberapa zon khas turut disediakan :

i. **Zon Jualan Rahmah dan Prihatin**: Menawarkan Jualan Rahmah kendalian ANGKASA dengan harga berpatutan serta cabutan bertuah berhadiah menarik untuk pengunjung;
ii. **Zon Kelestarian & Komuniti** : Menyediakan kaunter kitar semula minyak masak terpakai, agihan kit anak pokok, riadah jalan santai (*fun walk),* dan demonstrasi penyelamatan khas oleh Unit K9 JBPM;
iii. **Zon Pemerkasaan Ekonomi (PEKB):** Menawarkan penukaran minyak hitam motosikal dan penggantian topi keledar percuma buat pengunjung terawal, khidmat gunting rambut, agihan pakaian *pre-loved*, serta rawatan penjagaan diri oleh rakan NGO; dan
iv. **Zon Pesta Makanan & Keluarga (*Food Fiesta*):** Berlangsung dari 22 hingga 24 Oktober 2026, menampilkan jualan kraf dan makanan tempatan, pertandingan pakaian beragam kanak-kanak, pertandingan mewarna, persembahan artis, serta pameran haiwan jinak (*petting zoo)* oleh Farm In The City bagi merangsang ekonomi peniaga kecil tempatan.

Program ini mendapat sambutan amat menggalakkan daripada warga Puchong, Sepang dan kawasan sekitar yang mengambil peluang memanfaatkan pelbagai kemudahan serta perkhidmatan yang disediakan oleh agensi-agensi Kerajaan. Penganjuran Program Jiwa Rahmah Santuni MADANI merupakan manifestasi komitmen jitu KPKT dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam kekal inklusif, mesra rakyat dan berdaya saing. Melalui penggabungan pelbagai bentuk bantuan sara hidup, perkhidmatan kerajaan dan sokongan ekonomi komuniti di satu platform, inisiatif ini bertindak sebagai penjalin ukhuwah serta pemangkin kualiti hidup segenap lapisan masyarakat selaras dengan nilai teras Malaysia MADANI.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancakkanMADANI

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 I Faks : 03-8891 5557 I E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my